

(H) DECLARATION/ PERNYATAAN

1. I/We hereby declare that all the information given by me/us is true, valid and complete. If any of the information given by me/us is inaccurate or has changes, whether before this application is approved or still in consideration, I/We shall promptly notify the Bank of such changes. / Saya/Kami mengesahkan bahawa maklumat yang diberi oleh Saya/Kami adalah sah, benar dan lengkap. Jika maklumat yang diberikan oleh Saya/Kami adalah tidak tepat, mengelirukan atau berubah-ubah, sama ada sebelum permohonan ini diluluskan atau masih dalam pertimbangan, Saya/Kami perlu memaklumkan dengan segera kepada pihak Bank.
2. I/We hereby confirm that the Bank is authorised to acquire and verify information on me/us from my/our employer(s), any Financial Institutions, Inland Revenue Board of Malaysia, the Central Credit Reporting Information System (CCRIS), Credit Bureau, any other credit reference agencies and/or other sources that the Bank deems appropriate, for any information as required by the Bank./ Saya/Kami perlu memaklumkan dengan segera kepada pihak Bank. Saya/Kami mengesahkan Bank Muamalat Malaysia Berhad berhak untuk mendapatkan dan mengesahkan maklumat tentang Saya/Kami daripada majikan Saya/Kami, mana-mana Institusi Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Central Credit Reference Information System (CCRIS), Biro Kredit, mana-mana agensi laporan kredit dan/atau daripada mana-mana sumber yang dianggap sesuai, untuk apa sahaja maklumat yang diperlukan oleh Bank.
3. I/We shall be bound by the Terms & Conditions of the Credit Card-i and all future amendments there upon to issuance, activation or use of the Credit Card-i, including the renewal of my/our Credit Card-i in the future. / Saya/Kami adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat Kad Kredit-i dan segala pindaan-pindaan ke atasnya pada masa akan datang sejajar dengan pengeluaran, pengaktifan atau penggunaan Kad Kredit-i Saya/Kami, termasuk pembaharuan Kad Kredit-i pada masa hadapan.
4. I/We agree that the Bank has the sole right to approve, decline or not to accept my/our Credit Card-i application, including to renew my/our Credit Card-I in the future without assigning any reason whatsoever. / Saya/Kami mengakui bahawa Bank mempunyai hak mutlak untuk melulus, menolak atau tidak menerima permohonan Kad Kredit-i Saya/Kami, termasuk pembaharuan Kad Kredit-i Saya/Kami pada masa akan datang tanpa memberikan sebarang sebab.
5. I/We further agree that the Principal Cardholder shall be responsible for all liabilities and obligations of the Principal Cardholder as well as those of the Supplementary Cardholder(s). However, the Supplementary Cardholder(s) shall only be responsible for his/her own liabilities and obligations in respect to his/her Credit Card-i consumption. / Saya/Kami seterusnya bersetuju bahawa Pemegang Kad Utama akan bertanggungjawab terhadap semua liability dan obligasi Pemegang Kad Utama serta Pemegang (pemegang-pemegang) Kad Tambahan. Walaubagaimanapun, Pemegang (pemegang-pemegang) Kad Tambahan hanya akan bertanggungjawab terhadap liability dan obligasinya sendiri berkenaan penggunaan Kredit Kad-i.

6. I/We understand that this Credit Card-i application form and all other supporting documents that were submitted to the Bank shall remain the property of the Bank and shall be subjected to any cancellation without notice and would be returned upon request by the Bank. / Saya/Kami faham bahawa borang permohonan Kad Kredit-i dan semua dokumen sokongan yang dihantar kepada Bank akan tetap menjadi hak milik Bank, tertakluk kepada mana-mana pembatalan tanpa notis dan dikembalikan setelah diminta oleh pihak Bank.
7. I/We hereby agree the Bank to disclose information to Bank Negara Malaysia, third parties or any agents appointed by the Bank regarding my/our credit facilities and my/our account with Bank Muamalat Malaysia Berhad as may be required, whether pursuant to law or otherwise. The Bank shall not be liable either directly or indirectly to me/us or any other persons for such disclosure. / Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan maklumat berhubung kemudahan kredit atau akaun Saya/Kami dengan Bank Muamalat Malaysia Berhad kepada Bank Negara Malaysia, pihak ketiga dan/atau agen-agen yang dilantik oleh pihak Bank sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang atau sebaliknya. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti, secara langsung atau tidak langsung, yang diakibatkan oleh pendedahan berkenaan, sama ada kepada Saya/Kami ataupun mana-mana pihak yang lain.

(I) CREDIT CARD-I FINANCING - TAWARRUQ CONCEPT / PEMBIAYAAN KAD KREDIT-I - KONSEP TAWARRUQ

By signing this Aqad, I/We agree that / Dengan menandatangani Akad ini, saya/kami bersetuju bahawa :

1. I/We hereby request to purchase and promise (Wa'd) to buy the commodity from the Bank at the Selling Price. / Saya/Kami dengan ini memohon untuk membeli dan berjanji (wa'd) untuk membeli komoditi dari pihak Bank pada Harga Jualan.
2. I/We hereby appoint the Bank as a restricted agent to conclude the purchase of the aforementioned commodity on the basis of the Murabahah at the Selling Price on my behalf, in accordance to the terms and conditions stipulated in the Cardholder Agreement. / Saya/Kami dengan ini melantik pihak Bank sebagai ejen terhad untuk memuktamadkan belian komoditi tersebut secara Murabahah pada Harga Jualan bagi pihak saya, mengikut terma dan syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian Pemegang Kad.
3. I/We hereby agree not to take delivery and leave the commodity at the Bank's possession; and hereby irrevocably appoint Bank Muamalat Malaysia Berhad to be my representative/agent to sell the commodity to any third party purchaser at the Purchase Price (Financing Amount, i.e. Credit Limit) for the purpose of opening of the Credit Card-i account. / Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk tidak mengambil serahan dan meletakkan komoditi tersebut di bawah pegangan Bank; dan secara tidak terbatal dan tanpa sebarang syarat melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai wakil/ejen

untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak pembeli ketiga pada Harga Belian (Jumlah Pembiayaan, i.e. Had Kredit) bagi tujuan untuk membuka akaun Kad Kredit-i.

4. I/We hereby agree to place the commodity sales proceeds as profit free financing under the Principal of Qard to Bank Muamalat Malaysia Berhad and to utilize the placement sum for the Credit Card-i usage purpose. / Saya/Kami dengan ini bersetuju untuk meletakkan hasil jualan komoditi sebagai pembiayaan tanpa faedah di bawah Prinsip Qard kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad dan menggunakan amaun tersebut untuk tujuan pengguna Kad Kredit-i.
5. For the purpose of renewal, new application and permanent increase or decrease of limit of Credit Card-i, I/we hereby agree to appoint Bank Muamalat Malaysia Berhad as my agent to do and execute all acts for and on my behalf to sell the Commodity to any other third party purchaser for the purpose of availing the Credit Card-i facility. / Untuk tujuan pembaharuan, permohonan baharu, penambahan atau pengurangan had Kad Kredit-i, saya/kami dengan ini bersetuju untuk melantik Bank Muamalat Malaysia Berhad sebagai wakil saya untuk melakukan dan melaksanakan semua tindakan bagi pihak saya untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pembeli pihak ketiga untuk tujuan menyediakan kemudahan Kad Kredit-i.

(K) TAX AND FATCA DECLARATION / PERNYATAAN CUKAI DAN FATCA

1. I/We represent and declare that the information provided above is true, accurate and complete. I/We certify that I am/we are the Cardholder(s) (or I am / we are authorized to sign for the CardHolder) of all the account(s) to which form relates. / Saya/Kami mewakili dan mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah benar, tepat, dan lengkap. Saya/Kami mengesahkan bahawa saya/kami adalah Pemegang Kad (atau saya/ kami diberi kuasa untuk menandatangani bagi Pemegang kad) bagi semua akaun yang berkaitan dengan borang ini.
2. I/We understand that the term "U.S. person" means any citizen or resident of the United States./ Saya/Kami memahami bahawa istilah "orang AS" merujuk kepada mana-mana warganegara atau penduduk Amerika Syarikat.
3. I/We hereby consent to Bank Muamalat Malaysia Berhad or any of its affiliates, including branches (collectively "the Bank") disclosing the financial accounts information to regulatory authorities in which this account(s) is / are maintained and exchanged with tax authorities of another country / jurisdiction in which the Cardholder may be tax resident pursuant to intergovernmental agreements to exchange financial account information in accordance with the requirements of the Foreign Account Tax Compliance Act and Common Reporting Standard as may be stipulated by applicable laws, regulations, agreements or regulatory guidelines or directives. / Saya/Kami dengan ini memberi kebenaran kepada Bank Muamalat Malaysia Berhad atau mana-mana cawangannya, termasuk cabang-cabangnya (secara kolektif "Bank") untuk mendedahkan maklumat akaun kewangan kepada pihak berkuasa kawal selia di mana akaun ini disimpan dan untuk pertukaran maklumat akaun kewangan dengan pihak berkuasa cukai negara atau bidang kuasa lain di mana Pemegang Akaun mungkin menjadi

penduduk cukai berdasarkan perjanjian antara kerajaan untuk pertukaran maklumat akaun kewangan mengikut keperluan Akta Kepatuhan Cukai Akaun Luar Negeri dan Standard Pelaporan Kewangan Am seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian, atau garis panduan atau arahan kawalselia yang berkenaan.

4. I/We hereby agree that the Bank may classify me/us as reportable account and/or suspend, recall or terminate my/our account(s) and/or facilities granted to me/us, in the event I/we fail to provide accurate and complete information and/or documentation as the Bank may require. / Saya/Kami

dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh mengklasifikasikan saya/kami sebagai akaun yang perlu dilaporkan dan/atau menanggungkan, memanggil balik, atau menghentikan akaun/fasiliti yang diberikan kepada saya/kami, sekiranya saya/kami gagal untuk menyediakan maklumat dan/atau

dokumentasi yang tepat dan lengkap sebagaimana yang diminta oleh Bank.

5. I/We hereby agree that the Bank may withhold from my/our account(s) such amounts in accordance with the provisions of Foreign Account Tax Compliance Act or as may be stipulated by applicable laws, regulations, agreement or regulatory guidelines or directives. / Saya/Kami dengan ini bersetuju bahawa Bank boleh menahan sejumlah wang daripada akaun saya/kami mengikut peruntukan Akta Kepatuhan Cukai Akaun Luar Negeri atau sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian, atau garis panduan atau arahan kawalselia yang berkenaan.

6. I/We undertake to notify the Bank in writing within 30 calendar days of any change in circumstances which affects the tax residency status of the individual identified in this form or causes the information contained herein to become incorrect or incomplete, and to provide the Bank with a suitable updated self-certification and Declaration within 30 days of such change in circumstances. / Saya/Kami berjanji untuk memaklumkan secara bertulis kepada Bank dalam tempoh 30 hari kalendar sekiranya terdapat perubahan dalam keadaan yang mempengaruhi status kedudukan cukai individu yang dikenal pasti dalam borang ini atau menyebabkan maklumat yang terkandung di sini menjadi tidak tepat atau tidak lengkap, dan untuk menyediakan kepada Bank Sijil Diri yang dikemas kini dan Pernyataan yang Dikemaskini yang sesuai dalam tempoh 30 hari dari perubahan keadaan tersebut.

(M) PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010 / AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

1. I/ We understand the bank may use my/our limited information for the purpose of marketing and cross-selling, conducting marketing research and surveys, promotions, contests, and lucky draws, including those carried out with current and future partners and affiliates. / Saya/Kami faham bahawa bank boleh menggunakan maklumat terhadap saya/kami untuk tujuan pemasaran dan jualan silang, menjalankan penyelidikan pemasaran dan kaji selidik, promosi, pertandingan, dan cabutan bertuah, termasuk yang dijalankan dengan rakan kongsi masa kini dan masa depan.

2. Where the Bank intends to share my/our limited information with third parties for strategic alliances, marketing and promotional purposes, I/We hereby consent and authorise the Bank to disclose my/our limited information to the third parties. / Di mana Bank berhasrat untuk berkongsi maklumat saya/kami yang terhad dengan pihak ketiga dengan tujuan pakatan strategik, pemasaran dan promosi.

You have the right to opt out of receiving marketing material or withdraw or revoke your consent for the abovementioned disclosure at any time unless such disclosure is necessary for the Bank to comply with any legal or contractual requirements. To do so, please contact the nearest branch or via 03-26005500. / Anda berhak untuk menarik diri daripada menerima bahan pemasaran atau menarik balik atau membatalkan persetujuan anda untuk pendedahan yang dinyatakan di atas pada bila-bila masa melainkan pendedahan tertentu diperlukan bagi Bank untuk mematuhi mana-mana keperluan undang-undang atau kontrak. Untuk berbuat demikian, sila hubungi cawangan terdekat atau melalui talian 03-26005500.